

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JKE 315 – Ekonomi Malaysia**

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab TIGA soalan. Soalan 1 (wajib bagi semua calon)

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

767

**SOALAN 1 (WAJIB BAGI SEMUA CALON)**

Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, struktur ekonomi Malaysia telah banyak berubah khususnya dalam penghasilan KDNK negara, destinasi eksport dan jenis barang yang diimport. **Bincangkan kenyataan ini dengan rujukan khas kepada LIMA dasar awam negara.**

(100 markah)

Arahan: Jawab DUA soalan sahaja.

**SOALAN 2**

Pertanian penting dalam pembangunan sesebuah ekonomi dan seterusnya setelah negara mencapai tahap negara perindustrian sepenuhnya seperti Amerika Syarikat. Sektor pelancongan dan perindustrian memerlukan kewujudan sektor pertanian yang berterusan, moden, dinamik, berdaya saing, cekap, berteknologi tinggi dan produktif. **Bincangkan kenyataan di atas bagi kes Malaysia.**

(100 markah)

**SOALAN 3**

Teori dan model makroekonomi adalah penting bagi melaksanakan tugas perancangan dan pembangunan negara. Walaupun teori dan model yang ada sekarang ini dicipta oleh intelek negara maju (Barat), ada unsur-unsur yang diketengahkan oleh intelek Barat berguna bagi dasar, strategi dan perancangan di Malaysia. **Bincangkan dengan kritis.**

(100 markah)

**SOALAN 4**

Setiap tahun belanjawan negara dibentangkan di Dewan Rakyat pada bulan Oktober. Bajet 2004 berbeza daripada bajet tahun-tahun sebelumnya. **Bincangkan ciri-ciri utama dan program Bajet 2004. Apakah pendapat anda tentang strategi-strategi bajet yang dikemukakan oleh YAB Menteri Kewangan Malaysia itu?**

(100 markah)

**SOALAN 5**

Malaysia memperuntukkan 20 hingga 25 peratus perbelanjaan bajet tahunan dan perbelanjaan awam bagi melaksanakan Rancangan Lima Tahun Malaysia. Perpaduan dan pendidikan amat penting bagi pembangunan menyeluruh sesebuah ekonomi. **Adakah kenyataan ini benar setelah tertubuhnya WTO, dan Malaysia terpaksa bersaing di pasaran dunia yang terbuka dalam era globalisasi? Apakah yang perlu dilakukan oleh Malaysia untuk terus berdaya saing di pasaran global?**

(100 markah)

- oooOooo -

